

Nostalgia manis dikenang dalam syurga

JANGAN lupa pertemuan kita di restoran. Tolong sampaikan kepada teman sekelas kita dahulu agar mereka bersama dalam pertemuan ini."

Sekian lama tidak berjumpa, pasti ada usaha mempertemukan sahabat lama satu sekolah. Lalu pertemuan itu menjadi saat manis mengenang pelbagai kisah lampau semasa usia masih remaja.

Jika kenangan manis yang diungkit, jiwa terasa rindu saat itu, lalu doa dipanjatkan agar kenangan manis itu bakal berulang suatu hari nanti. Jika yang dikenang itu pahit atau masam, harapan dipasang agar ia tidak kembali menjengah diari hidup.

Jika diberi pilihan antara kenangan manis atau pahit, pastinya manusia waras hanya mahu yang manis. Bahkan memori manis sering direkodkan dalam bentuk gambar atau video agar kekal menjadi tatapan sehingga hari tua atau berganti generasi.

Subhanallah! Rupanya saat ‘terkenang semasa dahulu’ turut berlaku dalam syurga kelak. Allah tahu mengenang memori indah zaman lampau termasuk antara saat manis ingin diingati orang baik.

Oleh kerana itu, sesi mengenang zaman manis semasa di dunia terus

Refleksi al-quran

Oleh ABDULLAH BUKHARI
ABDUL RAHIM
AL-HAFIZ
Pensyarah di Jabatan Tilawah al-Quran, Pusat Bahasa, UIAM dan Timbalan Presiden Murshid.



dipanjangkan Allah setelah manusia selesai menjalani audit akhirat dan menempati kediaman kekal abadi dalam syurga.

Ahli syurga tidak tinggal sunyi sendirian dalam istana syurga tanpa nikmat sosial bertemu teman seiman. Allah tahu manusia adalah makhluk sosial yang suka bergaul dengan orang lain.

Oleh itu, mereka sentiasa bertemu dan mengenang saat manis zaman lampau bersama ahli syurga yang lain. Ia jelas direkodkan Allah dalam al-Quran:

Ertinya: “Dan (dengan berada dalam nikmat itu) mereka duduk berhadapan antara satu sama lain sambil bertanya khabar. Mereka berkata: “Sesungguhnya kami dahulu, semasa berada dalam kalangan keluarga kami - selalu merasa

cemas takut (daripada berlaku derhaka kepada Allah), “Maka Allah mengurniakan kami (rahmat dan taufiq-Nya), serta memelihara kami daripada azab neraka. Sesungguhnya kami dahulu tetap menyembah (dan memohon pertolongan daripada Allah). Kerana sesungguhnya Dia lah sahaja yang sentiasa melimpahkan ihsan-Nya, lagi Yang Maha Mengasihani” (al-Thur: 25-28).

Kenangan manis nikmat dunia menjengah memori ahli syurga ketika mereka dihidangkan dengan pelbagai nikmat syurga. Tatkala mereka mengcap sedapnya buah-buahan syurga, mereka terkenang pernah merasai buah yang sama. Cuma buah syurga punyai gred saiz dan rasa jauh lebih baik.

Firman Allah maksudnya: “Dan berilah khabar gembira kepada orang beriman dan beramal soleh, sesungguhnya mereka beroleh syurga yang mengalir bawahnya beberapa sungai; setiap kali mereka diberikan satu pemberian daripada sejenis buahan syurga, mereka berkata: “Inilah yang telah diberikan kepada kami dahulu (semasa di dunia); dan mereka diberikan rezeki itu yang sama rupanya (tetapi berlainan hakikatnya), dan disediakan untuk mereka dalam syurga itu pasangan, isteri yang sentiasa bersih suci, sedang mereka pula kekal dalamnya

selama-lamanya.” (al-Baqarah 2:25).

HIDAYAH ISLAM

Ketika enak menikmati segala kelazatan dalam syurga, mereka terkenang pula betapa baiknya Allah yang memberi hidayah Islam dan iman sehingga menjadi sebab mereka beroleh ‘lot istana’ kekal abadi dalam taman syurga.

Firman Allah maksudnya: “Dan Kami cabut segala dendam dan hasad degki daripada hati mereka, (dalam Syurga) yang mengalir beberapa sungai di bawah (tempat) masing-masing, dan mereka pula bersyukur dengan berkata: “Segala puji bagi Allah yang telah memberi hidayah petunjuk untuk (mendapat nikmat) ini, padahal Kami tidak sekali-kali akan mendapat petunjuk jika Allah tidak memimpin kami (dengan taufiq-Nya); sesungguhnya telah datang para rasul Tuhan kami dengan membawa kebenaran”. Dan mereka diseru: “Itulah Syurga yang diberikan kamu mewarisinya dengan sebab apa yang kamu telah kerjakan” (al-Araf 7:43).

Banyak lagi kenangan manis yang dibualkan ahli syurga antaranya luahan rasa syukur diselamatkan Allah daripada hasutan teman jahat yang hampir menjerumuskan mereka ke dalam bencana neraka.

Firman Allah ertinya:

“(Tinggallah penghuni syurga menikmati kesenangan), lalu setengahnya mengadap yang lain, sambil berbincang dan bertanya khabar. Seorang antara mereka berkata:

“Sesungguhnya aku (di dunia) dahulu, ada seorang rakan (yang menempelak daku)” katanya: Adakah engkau juga seorang daripada golongan yang mengakui benarnya (kebangkitan orang mati pada hari akhirat)? “Adakah sesudah kita mati menjadi tanah dan tulang, kita akan (dihadupkan semula serta) dibalas apa yang telah kita lakukan?” (Setelah menceritakan perihal rakannya itu) dia berkata: “Adakah kamu hendak melihat (keadaan rakanku yang ingkar itu)?”

Maka dia pun memandang (ke arah neraka), lalu dilihatnya rakannya itu berada di tengah neraka yang menjulang apinya. Dia pun (menempelak dengan) berkata: “Demi Allah! Engkau nyaris menceburkan daku dalam kebinasaan. “Dan kalaular tidak kerana nikmat pemberian Tuhanku (dengan hidayah petunjuk), nescaya aku jadi daripada orang yang dibawa hadir (untuk menerima balasan azab)” (Kemudian dia berkata kepada rakannya yang sedang menikmati kesenangan di Syurga bersama): “Bukankah kita (setelah mendapat nikmat ini) tidak akan mati lagi, - “Selain daripada kematian kita dahulu, dan kita juga tidak akan terkena seksa?” Sesungguhnya demikian


(nikmat kesenangan syurga), ialah sebenar-benar pendapatan dan kemenangan besar. Untuk memperoleh (kejayaan) seperti inilah hendaknya orang yang beramal melakukan amal usahanya dengan bersungguh (di dunia).” (al-Saffat 37:50-61).

Semoga reunion kita di akhirat kelak berlaku dalam suasana harmoni manis menghirup udara syurga. Jika di dunia ini kita mahu mengenang kenangan manis zaman silam, panjangkan nikmat itu dalam syurga kelak dengan mentaati segala perintah Allah.

Sungguh! Janji Allah itu benar-benar akan berlaku kerana Allah tak mungkin memungkiri janji-Nya.



KENANGAN
manis tidak dapat dilupakan penulis (depan, tengah) ketika masih kecil bersama ahli keluarga.



SEMOGA reunion kita di akhirat kelak berlaku dalam suasana harmoni manis menghirup udara syurga. -GAMBAR HIASAN